

CORAK PERGERAKAN PEJALAN KAKI DAN KESANNYA KE ATAS DAYA
TARIKAN PERNIAGAAN DI JALAN WONG AH FOOK

YONG 'ADILAH BT SHAMSUL HARUMAIN

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2012

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,
Segala Puji-Pujian Hanyalah Bagi Allah S.W.T Tuhan Sekalian Alam dan
Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W”*

Untuk semua ahli keluarga yang telah banyak berkorban dan memberi galakan,

*Semoga Allah memberkati usaha dan ibadah yang kita jalani di dunia ini agar
menjadi bekalan berguna di Akhirat kelak, Insyallah.*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, Hanya kepada Allah saya panjatkan kesyukuran kerana dimurahkan rezeki dan dipermudahkan perjalanan sepanjang saya bergelar seorang mahasiswi di Universiti Teknologi Malaysia. Sekalung penghargaan saya harus berikan kepada pensyarah-pensyarah dan staf pentadbiran di Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah yang selalu menyumbangkan buah fikiran dan galakan. Saya juga harus berterima kasih kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah membantu saya sewaktu mengumpulkan data bagi menyiapkan tesis ini.

Sepanjang saya bergelar mahasiswi di universiti ini, saya telah menjalani banyak pengalaman berharga yang tidak mungkin saya akan lupakan. Saya telah belajar erti kesabaran, persahabatan, kesyukuran dan juga kematangan. Proses menyiapkan kajian ini telah melalui suatu perjalanan yang amat sukar dan saya harus bersyukur kepada Allah, Yang Maha Kuasa kerana telah menunjukkan jalan dan memberikan ketenangan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Terima Kasih kepada, Profesor Dr. Sr. Megat Mohd Ghazali, Profesor Dr. Noor Sharipah dan Dr. Norhaya yang memberikan nasihat bagi menyempurnakan tesis ini

Saya juga amat bersyukur kepada Sekolah Pengajian Siswazah yang telah menganugerahkan saya biasiswa dan ianya telah membantu saya menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, saya berterima kasih kepada semua orang yang mendoakan kejayaan saya. Insyallah.

ABSTRAK

Corak pergerakan pejalan kaki di dalam kawasan pusat bandar dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Di antaranya ialah hala tuju, motivasi, keselesaan, keselamatan dan banyak lagi faktor penyumbang yang memberi kesan terhadap corak pergerakan pejalan kaki. Nodus atau tumpuan utama seperti Kompleks Kastam dan Imigresen di Johor Bahru adalah di antara satu faktor lagi yang memberi kesan ke atas corak pergerakan pejalan kaki. Elemen nodus adalah tumpuan utama yang menarik pejalan kaki untuk berjalan ke arahnya. Oleh itu, apabila nodus Kompleks Kastam dan Imigresen Johor Bahru berpindah pada tahun 2009, terdapat pelbagai rungutan terutamanya dari pihak peniaga di Jalan Wong Ah Fook mengenai kekurangan jumlah pejalan kaki. Perpindahan nodus telah menyebabkan perubahan terhadap pergerakan hala tuju pejalan kaki dan ini telah dikatakan menggugat perniagaan mereka. Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti keadaan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook sebelum dan selepas Kompleks Kastam dan Imigresen dipindahkan. Kajian sejarah kawasan perniagaan Jalan Wong Ah Fook dianalisis bagi memahami perubahan yang berlaku. Objektif analisis ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti jumlah perniagaan yang menurun di dalam kawasan kajian selepas nodus Kompleks Kastam dan Imigresen berpindah. Objektif yang kedua adalah bagi mengkaji kesan nodus ke atas corak pergerakan pejalan kaki dan daya tarikan kawasan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook. Pemerhatian dijalankan ke atas pejalan kaki di laluan nodus yang menjadi tumpuan utama pejalan kaki bagi mengetahui jumlah pejalan kaki dan corak pergerakan pejalan kaki. Tujuan pengiraan jumlah pejalan kaki ini adalah mendapatkan data kuantitatif yang perlu bagi analisis perbandingan jumlah pejalan kaki di antara tahun 2008 dan 2011. Ini adalah bagi mengetahui perbezaan jumlah pejalan kaki sebelum dan selepas nodus berpindah ke kawasan yang lain. Hasil dari pemerhatian mendapati perpindahan nodus memberi kesan ke atas arah tuju pejalan kaki kerana majoriti pejalan kaki bergerak ke arah nodus. Temuramah dijalankan ke atas pejalan kaki bagi meningkatkan pemahaman pengkaji mengenai arah perjalanan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook. Kepentingan menjalankan temuramah adalah mendapatkan data kualitatif iaitu pendapat pejalan kaki mengenai perpindahan nodus Kompleks Kastam dan Imigresen dan arah tuju mereka. Temuramah juga turut dijalankan ke atas peniaga-peniaga. Hasil dari temuramah yang dijalankan mendapati terdapat perniagaan yang tidak bergantung kepada bilangan pejalan kaki yang lalu lalang dan tidak mengalami kesan negatif akibat perpindahan nodus. Kesimpulannya, walaupun secara kuantitatif bilangan perniagaan yang ditutup adalah rendah, secara kualitatif kajian mendapati nodus membentuk corak pergerakan pejalan kaki namun tidak menjejaskan kesemua jenis perniagaan.

ABSTRACT

Pedestrian movement patterns in a city are influenced by various factors including direction, motivation, comfort and safety. Node or focus, for this case study, Customs and Immigration Complex in Johor Bahru is one other factor that affects the pattern of pedestrian movement. Nodes related theories are important in understanding the impact of nodes towards pedestrians and businesses. Nodes are the main focus for the pedestrian to walk. When Customs and Immigration Complex was transferred to a new site in 2009, there were numerous complaints, especially from the business owners at Jalan Wong Ah Fook on the number of pedestrian passing by their shops. The transfer of the node caused changes in the direction of pedestrian's movement and was said to affect their business. Therefore, the objective of this study is to identify the business condition at Jalan Wong Ah Fook, before and after the Customs and Immigration Complex transfer. The historical fact of the business district at Jalan Wong Ah Fook was analyzed to understand the changes. The objective of this analysis was to identify the decrease in the number of businesses within the study area after the transfer of the node to other location. The second objective is to study the impact on the movement patterns towards pedestrians and to the attractiveness of the business district along Jalan Wong Ah Fook. The number of pedestrians and their movement patterns were investigated. The purpose was to analyse the number of pedestrians between the years 2008 and 2011. This is to find the differences before and after the nodes transfer. From the observations, it was found that the transfer of node gives impact on the direction of the pedestrian flow because the majority of pedestrians move towards the node. Therefore, businesses that are not located along pedestrian movement have less pedestrians passing by. Interviews were conducted to enhance the understanding on the direction of pedestrian in Jalan Wong Ah Fook. The importance of conducting interviews was to obtain qualitative data and opinion directly from the pedestrians on the impact of the nodes transfer. Interviews were also conducted on businesses owners within the study area to find out their opinion. Results from the interviews showed that businesses that do not depend on pedestrians are less affected by the transfer. In conclusion, it was found that the number of businesses closure is low and the location of nodes effect the pedestrian movement patterns, but does not affect all types of businesses.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN	i
	PENGAKUAN	iv
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	<i>ABSTRACT</i>	viii
	SENARAI ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI GAMBAR	xv
	SENARAI CARTA	xvi
	SENARAI PETA	xviii
	SENARAI RAJAH	xix
	SENARAI SINGKATAN	xx
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Persoalan Kajian	3
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Skop Kajian	4
	1.5 Kepentingan Kajian	4
	1.6 Metodologi Kajian	5
	1.6.1 Peringkat Pertama	5
	1.6.2 Peringkat Kedua	5

1.6.3	Peringkat Ketiga	6
1.6.4	Peringkat Keempat	6
1.6.5	Peringkat Kelima	7
1.7	Susun Atur Bab	
	Carta Metodologi Kajian	8
2	PERHUBUNGAN KAWASAN PERNIAGAAN DI PUSAT BANDAR DENGAN NODUS DAN PENGARUHNYA KE ATAS CORAK PERGERAKAN PEJALAN KAKI	
2.1	Pengenalan	9
2.2	Perhubungan Elemen Nodus dengan Kawasan Perniagaan	10
2.3	Elemen Nodus dan Imej Bandar	18
2.4	Kaitan Elemen Nodus dan Pejalan Kaki	22
2.5	Perhubungan Pejalan Kaki dan Kawasan Perniagaan	24
2.6	Kepentingan Pejalan Kaki Kepada Kawasan Perniagaan	32
2.7	Kajian-kajian Lepas Mengenai Jalan Wong Ah Fook	36
2.8	Kesimpulan	38
3	REKA BENTUK DAN KAEDAH KAJIAN	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka bentuk kajian	43
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	44
3.3.1	Kaedah Pengumpulan Data Corak Pergerakan Pejalan Kaki	44
3.3.2	Kaedah Pengumpulan Data Jumlah dan Jenis Perniagaan	46
3.3.3	Kaedah Temuramah Pejalan Kaki	47
3.3.4	Kaedah Temuramah Peniaga	49
3.4	Kaedah Pemilihan Kawasan Kajian	50
3.5	Teknik Analisis Data	51
3.5	Kesimpulan	52

4	KAWASAN KAJIAN: KRONOLOGI PERKEMBANGAN KAWASAN PERNIAGAAN DI JALAN WONG AH FOOK, JOHOR BAHRU	
4.1	Pengenalan	54
4.2	Sejarah Johor Bahru dan Jalan Wong Ah Fook	55
4.3	Nodus-nodus di Jalan Wong Ah Fook	59
4.4	Jenis Perniagaan di Jalan Wong Ah Fook	64
4.5	Kesimpulan	70
5	ANALISIS CORAK PERGERAKAN PEJALAN KAKI DI JALAN WONG AH FOOK	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Analisis Terhadap Pemerhatian Corak Pergerakan Pejalan Kaki	72
5.2.1	Analisis Terhadap Corak Pergerakan Pejalan Kaki Tahun 2008	73
5.2.2	Analisis Terhadap Corak Pergerakan Pejalan Kaki Tahun 2011	75
5.2.3	Analisis Terhadap Corak Pergerakan Pejalan Kaki Pada Tahun 2011 di Laluan D.	79
5.3	Profil Pejalan Kaki yang ditemuramah	81
5.3.1	Analisis Terhadap Temuramah dengan Pejalan Kaki	83
5.4	Profil Peniaga Yang Ditemuramah di Jalan Wong Ah Fook.	88
5.4.1	Analisis Terhadap Temuramah dengan Peniaga Jenis Perkhidmatan.	88
5.4.2	Analisis Terhadap Temuramah dengan Peniaga Jenis Spesifik.	90
5.4.3	Analisis Terhadap Temuramah dengan Peniaga Jenis Runcit.	91
5.5	Kesimpulan	92

6 KESIMPULAN KAJIAN

6.1	Pengenalan	94
6.2	Penemuan Utama	94
	6.2.1 Kesan Perpindahan Nodus terhadap Corak Pergerakan Pejalan Kaki	95
	6.2.2 Kesan Perpindahan Nodus terhadap Daya Tarikan Perniagaan	96
6.3	Cadangan Lanjutan Kajian	96
6.4	Kesimpulan	99

BIBLIOGRAFI	101
--------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Hieraki pembangunan kawasan perniagaan yang dinyatakan oleh Martin dan Whittle (1983).	17
2.2	Kategori jenis perniagaan yang ditafsirkan oleh Martin dan Whittle (1983).	17
2.3	Jenis perniagaan yang boleh didapati di pusat bandar oleh Mun (1981).	18
2.4	Mod, anggaran kelajuan dan jarak berdasarkan <i>Land Transport Agency</i> , New Zealand (2009).	28
2.5	Elemen, definisi dan kelebihan mengenai jalan yang selesa <i>Land Transport Agency</i> , New Zealand (2009).	28
2.6	Tahap sikap pejalan kaki sewaktu membeli-belah.	30
2.7	Panduan <i>Level of Service for Pedestrian</i> oleh Transportation Research Board (TRB), National Research Council, Washington.	34
3.1	Jenis-jenis pandangan pengkaji terhadap kajian yang akan dilakukan.	40
3.2	Jenis-jenis sumber yang boleh digunakan dalam kajian.	41
3.3	Jenis kajian berdasarkan matlamat dan objektif kajian	42
3.4	Rekabentuk kajian yang ditetapkan berdasarkan objektif kajian.	43
3.5	Panduan jenis perniagaan yang telah digunakan oleh pengkaji	47
4.1	Jenis nodus yang terdapat pada tahun 2008 dan pada tahun 2011	62
4.2	Senarai perniagaan yang terdapat dalam kawasan kajian di Jalan Wong Ah Fook pada tahun 2011.	65
4.3	Panduan jenis perniagaan yang telah digunakan oleh pengkaji	69
5.1	Jadual jumlah pejalan kaki yang direkodkan oleh Yusef (2008).	73

5.2	Jadual jumlah pejalan kaki yang direkodkan oleh pengkaji pada 2011.	76
5.3	Perbezaan jumlah pejalan kaki di kawasan perkiraan di antara kuil hindu dan perhentian bas pada tahun 2008 dan tahun 2011.	76
5.4	Jadual jumlah pejalan kaki yang direkodkan oleh pengkaji di lokasi lama Kompleks Kastam dan Imigresen.	80

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Laluan pejalan kaki di hadapan kawasan pusat membeli belah sekitar Orchard Road, Singapura.	11
2.2	Perniagaan yang terletak di bangunan lama sebatian dengan unsur moden di sekitar Bukit Timah, Singapura.	14
2.3	Tafsiran hirarki pusat perniagaan menurut Martin dan Whittle (1983).	16
2.4	Mercu tanda Kuala Lumpur dan Malaysia.	20
2.5	Titik tumpu atau nodus yang memberi gambaran imej kawasan tumpuan pejalan kaki.	21
2.6	Laluan pejalan kaki.	21
2.7	Persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail, nodus kepada Jalan Bukit Bintang.	22
2.8	Kawasan perniagaan di Jalan Masjid India di Kuala Lumpur.	23
2.9	Suasana tumpuan pejalan kaki di kawasan CBD di Shibuya, Tokyo	25
2.10	Jenis laluan pejalan kaki yang dinyatakan oleh Marshall S. (2005).	30
4.1	Kawasan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook sekitar tahun 1920 dan Jalan Wong Ah Fook pada tahun 2011.	56
4.2	Pemandangan Tambak Johor pada tahun 1940an dan terkini	59
4.3	Keadaan Kompleks Imigresen dan Kastam lama dan baru.	60
4.4	Kompleks Membeli Belah City Square yang terletak di sebelah kiri	61
4.5	Kompleks Membeli Belah City Square di Jalan Wong Ah Fook.	64
6.1	Contoh nodus yang boleh menarik perhatian pengunjung.	98
6.2	Suasana mesra pejalan kaki dengan tempat duduk yang mencukupi dan papan tanda menarik.	98

SENARAI CARTA

NO. CARTA	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Carta Alir Metodologi Kajian.	8
4.1	Jenis-jenis perniagaan di dalam kawasan kajian di Jalan Wong Ah Fook pada 2011.	67
4.2	Jumlah perniagaan dari tahun 2007 hingga tahun 2011 di dalam kawasan kajian mengikut kategori perniagaan di Jalan Wong Ah Fook.	67
4.3	Jumlah perniagaan dari tahun 2007 hingga tahun 2011 di dalam kawasan kajian di Jalan Wong Ah Fook.	68
5.1	Carta jumlah pejalan kaki yang direkodkan oleh pengkaji pada tiga hari berbeza pada tahun 2011.	77
5.2	Carta jumlah pejalan kaki yang direkodkan oleh pengkaji di kawasan lama Kompleks Kastam dan Imigresen.	80
5.3	Jumlah dan jantina pejalan kaki yang ditemuramah pada hari Selasa.	82
5.4	Jumlah dan jantina pejalan kaki yang ditemuramah pada hari Khamis.	82
5.5	Jumlah dan jantina pejalan kaki yang ditemuramah pada hari Ahad	83
5.6	Destinasi pejalan kaki yang ditemuramah di Jalan Wong Ah Fook pada hari Selasa.	84
5.7	Destinasi pejalan kaki yang ditemuramah di Jalan Wong Ah Fook pada hari Khamis.	85
5.8	Destinasi pejalan kaki yang ditemuramah di Jalan Wong Ah Fook pada hari Ahad.	86
5.9	Carta pendapat pejalan kaki terhadap perpindahan Kompleks	87

	Kastam dan Imigresen yang disusun mengikut umur.	
5.10	Respon peniaga perkhidamatan terhadap temuramah yang dijalankan.	89
5.11	Respon peniaga-peniaga spesifik terhadap temuramah yang dijalankan.	90
5.12	Respon peniaga-peniaga runcit terhadap temuramah yang dijalankan.	91

SENARAI PETA

NO. PETA	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Kedudukan nodus di Jalan Wong Ah Fook.	48
4.1	Lokasi Jalan Wong Ah Fook dalam bandaraya Johor Bahru.	58
4.2	Peta Lokasi Nodus pada tahun 2008 dan 2011 di Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru	63
5.1	Kawasan nodus yang direkodkan oleh Yusef (2008) dan corak pergerakan pejalan kaki pada tahun 2008.	74
5.2	Kompleks Kastam dan Imigresen yang baru mewujudkan laluan baru yang menarik penumpuan pejalan kaki	78
6.1	Lokasi di mana nodus baru boleh dibina bagi menarik tumpuan pejalan kaki berjalan ke kawasan yang kurang tumpuan pejalan kaki di kawasan kajian.	99

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Ciri-ciri reka bentuk bangunan yang ditekankan oleh Bentley et. al (1985).	15
2.2	Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS).	27
2.3	Corak perilaku manusia yang berkait rapat dengan bentuk perbandaran seperti yang digambarkan oleh David Canter (1977).	37

SENARAI SINGKATAN

IM	Iskandar Malaysia
NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
ECER	Wilayah Ekonomi Koridor Timur
IRDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar
CBD	<i>Central Bussines District</i>
JPBD	Jabatan Perancang Bandar dan Desa
RSN	Rancangan Struktur Negeri
RTD	Rancangan Tempatan Daerah
MBJB	Majlis Bandaraya Johor Bahru
BPK	Blok Perancangan Kecil
BP	Blok Perancangan
BSI	Bangunan Sultan Iskandar
LOS	<i>Level of Service</i>
TRB	<i>Transport Research Board</i>
LOA	<i>Level of Action</i>

SENARAI LAMPIRAN

TAJUK

Keratan- keratan laporan dari akhbar mengenai Jalan Wong Ah Fook dan perpindahan Kompleks Kastam dan Imigresen sekitar tahun 2007 hingga 2010.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia mensasarkan peningkatan perbandaran yang tinggi selaras dengan wawasan negara untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020. Ibrahim (1995) menyatakan, perbandaran adalah satu proses perubahan yang tidak dapat dielakkan bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia. Pembangunan baru dalam kawasan bandar adalah sebahagian dari proses perubahan tersebut. Ini termasuklah meningkatkan taraf infrastruktur pembangunan serta pembangunan semula bangunan-bangunan lama.

Pembangunan semula kawasan pusat bandar yang telah berusia dan tepu harus mengambil kira pembangunan sedia ada seperti komuniti setempat, sistem pengangkutan dan juga aksesibiliti. Keseimbangan pembangunan haruslah dititik beratkan agar pembangunan baru tidak mengganggu sistem sedia ada. Aspek fizikal dan aspek sosial haruslah dilihat dalam setiap perancangan dalam bandar (Ibrahim, 1995). Pengimbangan kedua-dua aspek ini mengelakkan berlakunya masalah-masalah seperti jurang perbezaan antara wilayah, ketidak seimbangan ekonomi serta kepincangan perancangan guna tanah. Ketidak seimbangan ekonomi ini turut merujuk kepada kemerosotan perniagaan. Ini termasuklah, memastikan keseimbangan pembangunan baru terhadap pembangunan sedia supaya tidak

terkesan akibat pembangunan semula yang melibatkan perpindahan, pengubahan, penjanaaan dan juga pembukaan kawasan baru.

Kesan perubahan pembangunan termasuklah ke atas manusia sendiri. Kegagalan mengimbangi pembangunan serta keperluan manusia akan mengakibatkan pembangunan yang disediakan tidak dapat dinikmati dengan baik oleh manusia. Ini termasuklah kesan terhadap corak pergerakan manusia. Islam turut menitik beratkan unsur keseimbangan dan kesederhanaan. Unsur ini boleh dilihat melalui perancangan pembangunan yang seimbang sepertimana yang diadaptasi oleh Jabatan Perancangan Bandar Malaysia melalui *Total Planning Doctrine*. Kegagalan perancangan dengan seimbang akan menyebabkan sesebuah kawasan yang dirancang itu mundur dan merosot.

Perpindahan Kompleks Kastam dan Imigresen di bandaraya Johor Bahru adalah satu bentuk perubahan pembangunan dalam kawasan bandar. Perpindahan tersebut adalah perlu kerana kesesakan lalu lintas dan kepadatan orang ramai di Kompleks Kastam dan Imigresen yang lama. Selain berfungsi sebagai pusat transit, kompleks tersebut juga merupakan satu elemen tarikan kepada bandar Johor Bahru dan kawasan sekitarnya. Elemen tarikan yang dikenali sebagai nodus menyebabkan kawasan perniagaan di sekitar kompleks tersebut membangun dan maju. Maka, apabila perpindahan Kompleks Kastam dan Imigresen berlaku pada tahun 2009, sudah pasti memberi kesan baik positif ataupun negatif ke atas kawasan sekitarnya dan juga kepada bandaraya Johor Bahru. Kajian ini penting bagi melihat samada perpindahan Kompleks Kastam dan Imigresen memberi kesan ke atas kawasan perniagaan terutamanya yang terletak berhampiran dengan lokasi kawasan lama kompleks tersebut. Bagaimanakah kompleks tersebut memberi kesan ke atas kawasan perniagaan? Adakah perpindahan nodus tersebut memberi kesan ke atas pejalan kaki? Maka kajian ini ingin mengkaji bagaimanakah perpindahan Kompleks Kastam dan Imigresen yang juga merupakan nodus memberi kesan ke atas pergerakan pejalan kaki dan juga perniagaan di Jalan Wong Ah Fook. Berikut merupakan persoalan-persoalan kajian yang ingin dikaji di dalam kajian ini:

1.2 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan-persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini:

- a. Bagaimanakah keadaan kawasan perniagaan dan pergerakan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook sebelum dan selepas nodus iaitu Kompleks Kastam dan Imigresen dipindahkan?
- b. Adakah terdapat perbezaan terhadap jumlah perniagaan dan halatuju pergerakan pejalan kaki selepas nodus iaitu Kompleks Kastam dan Imigresen di pindahkan?
- c. Bagaimanakah nodus, pejalan kaki dan perniagaan saling berhubung?

Persoalan-persoalan di atas akan dijawab melalui objektif-objektif yang ditetapkan seperti berikut:

1.3 Objektif Kajian

Maka, menjawab pernyataan masalah objektif kajian dibentuk seperti berikut:

1. Mengetahui pasti keadaan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook sebelum dan selepas Kompleks Kastam dan Imigresen dipindahkan.
2. Mengetahui kesan nodus ke atas corak pergerakan pejalan kaki dan daya tarikan kawasan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini terbatas kepada aspek laluan pejalan kaki di kawasan perniagaan Jalan Wong Ah Fook pada tempoh 2007 sehingga 2011. Laluan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook siap dibina pada tahun 2006 manakala Kompleks Kastam dan Imigresen dipindahkan pada tahun 2009. Menurut Marshall (1995), kawasan kajian tidak perlu terlalu besar kerana terbatas atas masa dan tenaga kerja. Penetapan kawasan yang lebih spesifik memudahkan pengkaji mendapatkan data yang tepat sewaktu menjalankan pengumpulan data di kawasan kajian.

Kajian yang dijalankan oleh Yusef (2008) menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh jalan yang aktif bagi membangunkan kawasan bandar di Jalan Wong Ah Fook. Di antara peranan yang dinyatakan olehnya ialah kepentingan peranan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook. Kajian Yusef (2008) adalah satu-satunya kajian yang dijalankan di Jalan Wong Ah Fook yang menyentuh tentang pejalan kaki. Kajian yang dijalankan oleh Rosmawati (2001) pula menyatakan pembangunan pusat membeli-belah bertumpu di kawasan pusat bandaraya Johor Bahru sekitar tahun 2001. Walaubagaimanapun, beliau mendapati terdapat lebih ruang lantai pusat membeli-belah di Johor Bahru yang akhirnya menjadi terbiar seperti Plaza Best World, Pacific Mall dan Landmark Mall. Beliau menyatakan kegagalan pusat membeli-belah adalah kerana lokasi, kawasan tadahan, kemudahsampaian, kemudahan sokongan dan juga ciri-ciri pusat membeli-belah tersebut.

1.5 Kepentingan Kajian

Antara pihak yang mendapat kepentingan daripada kajian ini adalah:

- i. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB);
- ii. Pemilik perniagaan di Jalan Wong Ah Fook;
- iii. Ahli-ahli akademik serta pelajar Perancangan Bandar yang berminat.

Oleh kerana pejalan kaki memainkan peranan penting bagi sebuah kawasan perniagaan, sudah pasti ia juga penting bagi pembangunan kawasan pusat bandar. Pihak yang berkenaan seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dapat menjalankan usaha ke atas pengubahan imej Jalan Wong Ah Fook sebagai pusat tumpuan perniagaan yang lebih maju dan terkenal. Ini kerana kawasan ini penuh dengan sejarah dan mempamerkan identitinya yang tersendiri. Pihak MBJB dapat memanfaatkan kawasan ini sebagai salah satu kawasan pemangkin pembangunan pusat bandar dan kembali menghidupkan bandaraya Johor Bahru seiring dengan pembangunan semasa di kawasan sekitarnya.

1.6 Metodologi Kajian

Tujuan metodologi kajian ini dijalankan adalah untuk menyediakan landasan kepada kajian ini agar teratur dan mencapai objektifnya. Oleh itu, kaedah yang tepat perlu digunakan agar dapat mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan di awal kajian ini. Berikut merupakan aturan metodologi kajian ini:

1.6.1 Peringkat Pertama : Kajian Awalan

Pada peringkat ini, pengkaji perlu memahami isu dan permasalahan yang timbul dalam kajian ini. Pembacaan dan temuramah awal dijalankan supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada pengkaji dalam menetapkan matlamat kajian.

1.6.2 Peringkat Kedua : Kajian Literatur

Kajian literatur adalah penting dalam membentuk reka bentuk kajian ini. Pengkaji perlu mendalami teori perancangan kawasan perniagaan di pusat bandar, elemen nodus dan kesan pergerakan pejalan kaki ke atas perniagaan. Kepentingan

memahami teori-teori ini penting bagi memahami kepentingan nodus yang menjadi tumpuan pejalan kaki yang seterusnya mencorak pergerakan pejalan kaki. Kajian teori mengupas bagaimana kepentingan pejalan kaki kepada perniagaan.

1.6.3 Peringkat Ketiga : Pengumpulan data dan Kawasan Kajian

Pemahaman terhadap kawasan kajian adalah bagi mendalami sejarah kawasan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook dan juga bandaraya Johor Bahru. Ini membolehkan pengkaji memahami perubahan pembangunan sebelum tahun 2009. Ianya turut membantu pengkaji memahami implikasi nodus iaitu Kompleks Kastam dan Imigresen terhadap pembangunan Jalan Wong Ah Fook dan Johor Bahru. Perubahan selepas perpindahan nodus adalah melalui pemerhatian dan juga temuramah dengan pejalan kaki dan peniaga-peniaga. Adalah wajar bagi kajian ini meneliti sejarah pembangunan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook bagi memahami implikasi nodus iaitu kompleks tersebut ke atas kawasan perniagaan dan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook. Pengkaji menjalankan pemerhatian secara terus iaitu *Direct Observation* bagi memahami corak pergerakan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook. Kemudian, temuramah dijalankan ke atas pejalan kaki bagi mengesahkan pemerhatian yang dijalankan. Temuramah yang dijalankan ke atas peniaga-peniaga pula adalah bagi mengetahui keadaan perniagaan mereka sebelum dan selepas Kompleks Kastam dan Imigresen dipindahkan.

1.6.4 Peringkat Keempat : Analisis dan Penemuan

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kes (*Case Study*) iaitu terhadap perpindahan Kompleks Kastam dan Imigresen di Johor Bahru. Data jumlah pejalan kaki yang dikumpulkan oleh pengkaji akan dibandingkan dengan data jumlah pejalan kaki pada tahun 2008. Teknik perbandingan digunakan bagi melihat corak perubahan jumlah pejalan kaki sebelum dan selepas Kompleks Kastam dan Imigresen berpindah pada tahun 2009. Perbandingan keadaan sebelum dan selepas kompleks berpindah dapat menjelaskan kepentingan nodus iaitu Kompleks Kastam dan Imigresen terhadap pejalan kaki dan juga perniagaan disekitarnya.


1.6.5 Peringkat Kelima : Kesimpulan Kajian

Peringkat terakhir kajian iaitu peringkat kelima ialah kesimpulan kajian. Peringkat ini juga akan merumuskan kajian dan memberi cadangan kepada kajian akan datang.

1.7 Susun Atur Bab

Bab 1 kajian akan menerangkan mengenai pengenalan kajian, mengenal pasti masalah dan isu di kawasan kajian dan juga menetapkan objektif kajian. Bab ini juga akan menerangkan skop kajian dan kaedah kajian ini dijalankan. Bab 2 pula menerangkan mengenai bahagian teori dan literatur kajian yang akan menerangkan definisi serta teori berkaitan. Teori elemen nodus juga ditekankan di dalam bab ini bagi menjelaskan elemen nodus yang menjadi tarikan kepada pejalan kaki untuk berjalan pantas memberi manfaat terhadap perniagaan di sepanjang laluan tersebut. Kajian literatur membentuk dan merupakan asas kepada kajian ini. Manakala Bab 3 kajian ini adalah khusus untuk menjelaskan tentang kaedah kajian dan mengenai data-data yang diperolehi. Bab ini juga menerangkan bagaimana data yang dikumpul akan digunakan.

Bab 4 kajian akan menerangkan kawasan kajian yang dipilih. Kronologi perubahan pembangunan di Jalan Wong Ah Fook membolehkan pengkaji memahami keadaan sebelum dan selepas Kompleks Kastam dan Imigresen dipindahkan ke kawasan yang lain. Adalah wajar bagi kajian ini meneliti sejarah pembangunan perniagaan di Jalan Wong Ah Fook bagi memahami implikasi nodus iaitu kompleks tersebut ke atas kawasan perniagaan dan pejalan kaki di Jalan Wong Ah Fook. Bab 5 kajian akan membincangkan hasil analisis kajian yang dijalankan. Akhir sekali ialah Bab 6 iaitu kesimpulan kajian. Bab ini merupakan rumusan terhadap keseluruhan kajian yang dijalankan. Seterusnya, bab ini akan merumus kajian secara keseluruhannya. Secara ringkasnya, **Carta 1.1** carta alir metodologi kajian.



Carta 1.1 : Carta Aliran Metodologi Kajian.